

UTUSAN MALAYSIA

JUMMATAH - 25 FEBRUARI 2011

ms - 14

Saifuddin kesal pelajar demonstrasi

PUTRAJAYA 24 Feb. - Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Saifuddin Abdullah (gambar) kesal dengan insiden demonstrasi membatalkan 200 pelajar yang juga calon dan penyokong promahasiswa di Universiti Putra Malaysia (UPM) semalam.

Beliau berkata, perkara seumpama itu tidak akan berlaku jika pihak universiti memenuhi permintaan kumpulan pelajar tersebut supaya menyemak semula keputusan membatalkan kemenangan calon mereka.

Katanya, kementerian mengambil sikap berkecuali dalam hal itu namun mahu pilihan raya kampus menjadi gelanggang politik yang sihat dan menyuburkan idealisme ma-

hasiswa.

"Saya juga kesal dan tidak bersetuju dengan tindakan sekumpulan pelajar yang menyebabkan kerosakan harta benda awam. Namun saya percaya jika permintaan kumpulan tersebut dilayan, insiden sedemikian mungkin tidak akan berlaku.

"Pun begitu, saya memuji kesediaan dan keterbukaan Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Radin Umar Radin Sahadi bertemu dan mendengar aduan kelompok mahasiswa yang tidak berpuas hati dengan keputusan PRK itu," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Mengulas lanjut mengenai kemenangan sekumpulan mahasiswa yang dibatalkan dalam pilihan raya kecil, Saifuddin menegaskan, pembatalan tersebut bukan atas arahan beliau.

"Saya hanya memberi pandangan kepada pihak universiti tentang cara terbaik untuk mengatasi masalah yang berlaku. Namun keputusan membatalkan kemenangan sekumpulan mahasiswa itu tidak wajar dan alasan yang diberikan tidak munasabah.

"Alasannya adalah kumpulan tersebut berkempen secara berkumpulan. Saya anggap alasan ini tidak masuk akal kerana umum tahu pihak yang membuat bantahan itu juga adalah sebuah kumpulan juga. Perkara ini diakui sendiri oleh salah seorang pelajar yang saya temui hari ini," katanya.

Semalam, *Utusan Malaysia* melaporkan kekecohan berlaku di UPM apabila 200 pelajar yang juga calon dan penyokong promahasiswa mengadakan demonstrasi hampir 17 jam bagi memprotes tindakan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) membatalkan 11 kemenangan calon mereka.

